

# Pendekatan teori seni membina karya bermutu

UB 13.1.2019 B3



**CATATAN  
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN  
MOHD ARUS**

**P**ENGHUJUNG tahun 2018 penulis dijemput menghadiri majlis perbincangan meja bulat yang diadakan di Kuala Lumpur oleh institusi percetakan dan institut Dana Cendana yang telah ditubuhkan untuk tujuan membantu pengkarya seni, pengusaha seni dan aktivis seni seluruh negara.

Tujuan utama pihak berkepentingan untuk mengadakan perbincangan meja bulat adalah untuk mendapatkan data serta informasi terperinci apakah kehendak pelukis dan industri seni visual negara bagi melonjakkan karya mereka ke persada antarabangsa.

Ini adalah kerana seni lukis dianggap sebagai komoditi serta aset negara yang berupaya menjana pendapatan negara sejak industri kreatif dilancarkan di negara ini. Namun jika diteliti secara mendalam seni visual dan kesenian yang lain masih di takuk yang lama sama ada penghasilan, pemasaran serta kebajikan pelukis itu sendiri.

Banyak usaha telah dijalankan oleh badan tertentu yang berkaitan persatuan seni visual tempatan mahupun kebangsaan setiap tahun namun peningkatannya agak mengecewakan terutama sekali industri seni visual khasnya.

Oleh itu kali ini buat pertama kalinya penulis telah menyertai perbincangan meja bulat yang diadakan di Kuala Lumpur bagi menyaksikan sendiri apakah yang boleh diraih dalam pertemuan dengan tokoh yang berkepentingan dalam industri seni visual.

Penulis telah dijemput serta perbincangan yang dibuat secara tertutup

bermakna hanya mereka yang dijemput sahaja yang dibenarkan menyertai perbincangan. Penulis dan peserta lain telah ditempatkan dalam kumpulan menghadapi panel forum di mana beberapa soalan telah disenaraikan untuk dibincangkan menurut kepentingan industri bagi mencari apakah masalah serta sebab kenapa industri seni visual masih lembap jika dibandingkan dengan negara lain seperti Indonesia, Singapura dan Thailand.

Maka dalam majlis tersebut telah diutarakan soalan secara rambang kepada peserta "Apakah yang dikehendaki oleh pelukis di negara ini?" Maka beberapa pendapat telah diutarakan berdasarkan pemerhatian serta pengalaman masing-masing.

Antara jawapan yang diterima adalah pelukis di negara ini ingin mendapatkan wang serta mampu menyara kehidupan mereka dari hasil bakat serta karya yang mereka miliki. Ada juga suara yang berharap agar kerajaan membuka peluang seluasnya kepada pelukis tempatan bagi mendapatkan projek menghiaskan bangunan kerajaan serta projek mega kerajaan yang lain yang berkaitan dengan kesenian dan pelancongan.

Beberapa tokoh seniman yang juga mengutarakan pandangan bahawa seniman seni visual tidak mendapat pengiktirafan sewajarnya oleh kerajaan jika dibandingkan dengan industri yang lain.

Beberapa perbincangan serta polemik berlegar dalam industri seni visual telah dibahaskan oleh peserta dari penghasilan karya hingga kepada penerimaan oleh pihak kerajaan akan seni visual sebagai komponen utama yang perlu diiktiraf di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Jika diamati masalah seni visual di negara mengalami kemerosotan yang disenaraikan di atas adalah kerana beberapa masalah yang dihadapi oleh pelukis atau *practitioner* itu sendiri.

Majlis bersetuju bahawa faktor penghasilan karya yang bermutu akan berjaya di dalam pasaran sama ada dalam dan luar negara, menurut pihak pemasaran terutama pandangan pengusaha galeri

“Kegagalan pelukis tempatan adalah tidak mendalami ilmu seni visual secara terperinci dan menganggap bahawa mempunyai bakat sahaja sudah cukup dan apabila menerima pujian maka mereka terus melukiskan portrait, alam benda atau landskap yang mereka sukai namun untuk mendalami selok-belok melukis tidak menjadi agenda utama mereka, hanya berpuas hati dengan meniru dan melihat karya yang ada di sekeliling mereka sahaja. Sepatutnya mereka perlu mendalami ilmu dengan lebih agresif. Pada dasarnya pelukis perlu mengambil iktibar kepada sejarah seni visual bertujuan untuk melihat bagaimana pelukis pada zaman renaissance, mannerist, baroque, impressionist, ekspresionist, abstrak ekspresionist begitu popular hingga ke hari ini.”

masalah keterampilan serta kemahiran pelukis tempatan tidak mencapai tahap yang tinggi sebagai faktor utama kenapa industri ini tidak mendapat perhatian pembeli dan penghayatan khalayak jika di bandingkan dengan pelukis di negara luar.

Tahap atau mutu yang tinggi juga adalah sesuatu yang relatif namun ia juga boleh diukur sama juga kita menilai sesebuah karya seni yang baik atau sebaliknya. Apabila pelukis tidak menguasai keterampilan atau kemahiran teknik melukis dengan mendalam maka kemampuan untuk memanipulasikan hal benda atau *subject matter* walaupun mudah akan gagal untuk mengangkat keindahan karya yang ingin dihasilkan dan ini mengecewakan peminat atau pembeli.

Walaupun bagaimanapun sepatutnya setiap pelukis terutama yang menghasilkan karya aliran atau gaya *Realisme* perlu meneliti teori *Mimeses* atau peniruan alam yang klasik. Kebenaran kepada teori tersebut masih diterima oleh umum pada hari ini umpamanya sesebuah karya yang dapat menarik minat khalayak apabila pelukis berjaya menghasilkan karya realis yang tepat dengan alam dan ini akan menitik beratkan sanubari penghayat serta peminat seni visual dengan lebih mendalam seperti karya pelukis agung yang terdahulu.

Rata-rata ramai pelukis muda menganggap bahawa menghasilkan karya seni lukis cukup hanya melakar serta mewarnakan kertas dan kanvas sahaja tidak lebih dari itu.

Kegagalan pelukis tempatan adalah tidak mendalami ilmu seni visual secara terperinci

dan menganggap bahawa mempunyai bakat sahaja sudah cukup dan apabila menerima pujian maka mereka terus melukiskan *portrait*, alam benda atau landskap yang mereka sukai namun untuk mendalami selok-belok melukis tidak menjadi agenda utama mereka, hanya berpuas hati dengan meniru dan melihat karya yang ada di sekeliling mereka sahaja. Sepatutnya mereka perlu mendalami ilmu dengan lebih agresif.

Pada dasarnya pelukis perlu mengambil iktibar kepada sejarah seni visual bertujuan untuk melihat bagaimana pelukis pada zaman *renaissance*, *mannerist*, *baroque*, *impressionist*, *ekspresionist*, *abstrak ekspresionist* begitu popular hingga ke hari ini.

Pelukis tempatan juga perlu mengkaji secara mendalam bagaimana karya yang baik boleh dihasilkan, pelukis sepatutnya mencuba beberapa kaedah serta proses penghasilan karya yang bermutu.

Memasuki sekolah seni atau institut pengajian tinggi tidak dapat menyelesaikan masalah ini kerana terdapat kurikulum atau mata pelajaran yang diajar di IPT juga tidak membentuk pelukis yang bermutu. Oleh sebab itu ramai pelukis keluaran IPT yang tidak berjaya maka jawapannya adalah pelukis perlu mencari kaedah atau pendekatan yang sesuai.

Pada hemat penulis, salah satu jawapan untuk menghasilkan karya yang bermutu atau melekat kepada sanubari khalayak adalah dengan meneliti teori tokoh falsafah seni yang terkenal sebagai panduan untuk melonjakkan karya selain dari menguasai kemahiran serta teknik yang hebat. Umpamanya terdapat

dalam sejarah seni teori teori seperti imitasi, ritual, formalist, ekspresif, pasca modern dan sebagainya. Setiap pelukis perlu membaca dan memahami teori-teori yang dicadangkan agar sesebuah karya yang dihasilkan mempunyai intipati yang kukuh serta membawa makna yang mendalam.

Pandangan ini bukan dibuat secara rambang tetapi melalui penyelidikan serta kajian yang dibuat oleh institusi tertentu yang berkaitan dengan industri seni visual kontemporari.

Jelas sekali ramai pelukis tempatan yang kurang membuat eksperimen serta penerokaan bagi membuat sesuatu kelainan tetapi lebih memilih kepada pendekatan mediocre, biasa biasa atau sesetengah masyarakat tempatan menggelarnya tiada-tiada.

Oleh itu penulis berhasrat untuk mengupas secara terperinci formula yang boleh dipakai bagi mengangkat karya pelukis tempatan terutamanya pelukis muda Sabah untuk meneroka ke persada antarabangsa dengan karya-karya yang mantap serta pemasaran yang melonjak setiap minggu.

Menurut Emmanuel Kant "A beautiful rose pleases us, but not because we necessarily want to eat it or even pick it up as flower arrangement..." antara lain Emmanuel Kant menekankan sesebuah lukisan yang indah adalah "Purposiveness without a purpose". (Cynthia Freeland, 2003)

\*\*\*PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).\*\*\*